

**FAKTOR-FAKTOR 'BURNOUT' DAN STRES PEKERJAAN
SERTA HUBUNGANNYA DENGAN TAHAP
KEPUASAN KERJA DALAM KALANGAN
GURU-GURU SEKOLAH RENDAH
DI DAERAH RANAU.**

SERIRAMA EBBIE

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
SOSIAL, UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2013



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL : **FAKTOR 'BURNOUT' DAN STRES PEKERJAAN SERTA HUBUNGANNYA DENGAN KEPUASAN KERJA DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH RENDAH DI DAERAH RANAU**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

SAYA : **SERIRAMA EBBIE**

SESI PENGAJIAN : **2011/2013**

Mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)


SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

TERHAD

(Mengandungi maklumat **TERHAD** yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dialankan)

TIDAK TERHAD

SERIRAMA EBBIE) : **PROF. MADYA DR. HJ. BAHAROM BTU HJ. MOHAMAD**

Disahkan oleh

Alamat Tetap : KG. PINASANG MOROULU,
P.O.BOX 169,
89158 KOTA BELUD,
SABAH.

Tarikh : **8/7/2013**

CATATAN : * Potong yang tidak berkenaan.

** Jika tesis ini **SULIT** atau **TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** atau **TERHAD**.

④ Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGAKUAN

Saya mengakui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan, dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

08 Julai 2013



(SERIRAMA BIN EBBIE)



PENGESAHAN PENYELIA

NAMA : SERIRAMA BIN EBBIE

NO. MATRIK : PT20117166C

TAJUK : FAKTOR-FAKTOR 'BURNOUT' DAN STRES PEKERJAAN SERTA HUBUNGANNYA DENGAN TAHAP KEPUASAN KERJA DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH RENDAH DI DAERAH RANAU, SABAH.


**IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PENDIDIKAN)**

DISAHKAN OLEH

PENYELIA:

PROF. MADYA DR. BAHAROM MOHAMAD

Tandatangan



PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana dengan izin-Nya maka kajian ini dapat dilaksanakan dan telah siap sehingga bab 5. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada penyelia kajian saya, Profesor Madya Dr. Baharom Mohamad atas bimbingan dan dorongan yang telah diberikan sepanjang tempoh kajian ini dibuat. Usaha untuk menyiapkan kajian ini tidak mungkin tercapai tanpa bantuan dan dorongan daripada beliau. Sesungguhnya beliau telah banyak memberi tunjuk ajar kepada saya tanpa mengenal rasa jemu dalam proses menyempurnakan kajian ini. Segala bimbingan, nasihat dan teguran yang telah dicurahkan selama ini tidak akan saya lupa sampai bila-bila.

Sekalung ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pelajaran Sabah atas kesudian mereka memberikan kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Ucapan terima kasih juga buat pihak Pejabat Pelajaran Daerah Ranau yang membenarkan saya membuat kajian di daerah ini serta kerjasama yang diberikan sepanjang kajian dibuat. Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada semua guru yang terlibat dalam menjayakan kajian. Tanpa kerjasama dan sokongan anda semua, sudah tentu kajian ini tidak dapat disempurnakan.

Tidak ketinggalan juga kepada semua ahli keluarga tercinta saya khususnya ibu saya puan Daimah OT Kunong dan bapa saya encik Ebbie LR Madily yang sentiasa mendoakan kejayaan saya, isteri tercinta Malisa Bisi yang sentiasa memahami dan merestui pengorbanan ini serta menjadi pendorong utama di dalam mengejar impian saya dan anak-anak saya Ivan Glenn, Isaac Noel dan Ivano Geo. Semoga kalian dapat mencintai dan memahami kemaslahatan ilmu bagi menghadapi masa depan yang kian mencabar. Terima kasih yang tidak terhingga juga buat abang-abang, kakak-kakak dan adik-adik saya seterusnya kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang sentiasa memberi semangat dan dorongan sehingga kajian ini dapat disiapkan. Akhir kata, saya berharap agar kajian ini dapat memberi manfaat kepada kita semua.

ABSTRAK

FAKTOR-FAKTOR 'BURNOUT' DAN STRES PEKERJAAN SERTA HUBUNGANNYA DENGAN TAHAP KEPUASAN KERJA DALAM KALANGAN GURU-GURU SEKOLAH RENDAH DI DAERAH RANAU

Kajian ini bertujuan untuk meninjau faktor-faktor '*burnout*' dan sumber-sumber stres pekerjaan serta hubungannya dengan tahap kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di daerah Ranau, Sabah. Kaedah kajian yang digunakan ialah tinjauan ke atas sampel yang dipilih secara rawak untuk mengukur pembolehubah. Penyelidikan ini menggunakan soal selidik ke atas sejumlah 225 orang responden yang dipilih secara rawak dalam kalangan guru-guru sekolah rendah yang melibatkan 25 buah sekolah rendah di daerah Ranau.

Maklumat yang dikumpul dianalisis dengan menggunakan '*Statistical packages for social sciences*'(SPSS ver 21.0). Kaedah statistik deskriptif digunakan bagi mencari frekuensi, peratusan, skor min dan sisihan piawai. Statistik inferensi digunakan bagi mendapatkan hubungan dan pengaruh antara pembolehubah bebas dengan pembolehubah bersandar. Rumusan dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara '*burnout*' dengan tahap kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di daerah Ranau. Keputusan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara stres dengan tahap kepuasan kerja dalam kalangan guru-guru sekolah rendah di daerah Ranau.

ABSTRACT

The aim of this study is to survey the factors of burnout and sources of working stress and their relation with the level of working satisfaction among primary teachers in Ranau district Sabah. The study method used is a survey on selected samples randomly to measure the variable. This study used questionnaires on 225 respondent, which selected randomly among primary teachers in 25 schools in primary school in Ranau district.

The information collected was analyzed using the Statistical Packages for Social Science (SPSS ver 21.0). statistic used to find the frequency, percentage and mean score. The result shows that there is a significant relation between burnout and the level of working satisfaction among the primary teachers in Ranau district. The result also shows that there is a significant relation between stress and the level of working satisfaction among the primary teachers in Ranau district.



SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	i
PENGESAHAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
<i>ABSTRACT</i>	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SINGKATAN	xvi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Pernyataan Masalah	18
1.4 Objektif Kajian	22
1.5 Soalan Kajian	23
1.6 Hipotesis kajian	24
1.7 Limitasi Kajian	25
1.8 Kepentingan Kajian	25
1.9 Definisi Operasional	27
1.9.1 <i>'Burnout'</i>	27
1.9.2 Stres	30
1.9.3 Kepuasan Kerja	31
1.10 Kerangka Konseptual Kajian	33
1.11 Rumusan	34

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	
2.2	Kajian 'Burnout'	36
2.2.1	Konsep dan Definisi	36
2.2.2	Teori	37
a.	Teori ' <i>Conservation Of Resources</i> ' Hobfoll dan Freedy, 1993)	37
2.2.3	Model	38
a.	Proses Model 'Burnout'	38
b.	Model Maslach	38
c.	Model Hubungan 'Burnout' Dan Komitmen Terhadap Organisasi	39
2.3	Kajian stres Pekerjaan	39
a.	Stres Pekerjaan	42
b.	Sumber-sumber Stres Pekerjaan	43
2.3.1	Konsep dan Definisi	45
2.3.2	Teori	48
a.	Teori Psikodinamik, Kognitif, Tingkah laku, dan Biologikal	48
i.	Teori Psikodinamik	48
ii.	Teori Behaviorisme	49
iii.	Teori Kognitif	49
iv.	Teori Tingkah laku dan Biologikal	49
2.3.3	Model	50
a.	Model Stres pekerjaan Cooper dan Marshall (1976)	50
b.	Model Teoritikal ' <i>Occupational Stress Indicator</i> ' Cooper, Sloan, dan William (1988)	51
i.	Sumber-sumber Stres Pekerjaan	51
ii.	Ciri-ciri Individu	52
iii.	Strategi Daya Tindak	52

	iV.	Kesan-kesan Stres	52
	c.	Model Tindak Balas Sindrom Penyesuaian Umum	53
2.4	Kajian Kepuasan Kerja		55
	2.4.1	Konsep dan Definisi	55
	2.4.2	Teori	55
	a.	Teori Hierarki Keperluan Maslow (1945)	56
	b.	Teori Dua Faktor Herzberg (1959)	59
	c.	Teori Nilai Locke (1916)	63
	d.	Teori <i>'Existence Relatedness Growth'</i> Alderfer (ERG) (1969)	65
	e.	Teori Jangkaan/Valens Vroom (1975)	66
	f.	Faktor Penentu Kepuasan Terhadap Keadaan Pekerjaan	68
	i.	Kepuasan Terhadap Keadaan Pekerjaan	68
	ii.	Kepuasan Terhadap gaji	69
	iii.	Kepuasan Terhadap Kenaikan Pengkat	69
	IV.	Kepuasan Terhadap Majikan	70
	V.	Kepuasan Kerja Terhadap Rakan Sekerja	71
	2.4.3	Model	72
	a.	Model Teoritikal ' <i>Occupational Stress Indicator</i> '	72
	b.	Model Kepuasan Kerja Herzberg	72
2.5	Kajian Lepas		73
	2.5.1	Kajian Dalam Negara	74
	2.5.2	Kajian Luar Negara	75
2.6	Rumusan		77

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan		
3.2	Reka bentuk Kajian	78	
	3.2.1	Pembolehubah Bersandar	79

	3.2.2 Pembolehubah Tidak Bersandar	80
3.3	Populasi	80
3.4	Persampelan	81
	3.4.1 Pemilihan Responden	82
3.5	Lokasi Kajian	83
3.6	Instrumen	84
3.7	Kajian Rintis	87
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	88
3.9	Kaedah Statistik Bagi Penganalisisan Data	88
3.10	Analisis Statistik	92
3.11	Kesimpulan	94
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		
4.1	Pengenalan	
4.2	Analisis Deskriptif	95
	4.2.1 Profil Responden	95
	4.2.1.1 Analisis Skor Min Jantina	96
	4.2.1.2 Analisis Skor Min taraf Perkahwinan	96
	4.2.1.3 Analisis Skor Min Kumpulan Umur	97
	4.2.1.4 Analisis Skor Min Tempoh Pengalaman Kerja	98
	4.2.1.5 Analisis Skor Min Kelulusan Akademik Tertinggi	99
	4.2.2 <i>'Burnout'</i>	99
	4.2.2.1 Analisis Skor Min Depersonalisasi	100
	4.2.2.2 Analisis Skor Min Keletihan Emosi	101
	4.2.2.3 Analisis Skor Min Pengurangan Pencapaian Peribadi	102
	4.2.2.4 Analisis Skor Min <i>'Burnout'</i>	103
	4.2.3 Stres	104

4.2.2.1	Analisis Skor Min Hubungan Dengan Ibu Bapa Pelajar	104
4.2.2.2	Analisis Skor Min Hubungan Sesama Rakan Sekerja	105
4.2.2.3	Analisis Skor Min Beban Kerja	106
4.2.2.4	Analisis Skor Min Kekurangan Masa	107
4.2.2.5	Analisis Skor Min Karenah Pelajar	108
4.2.2.6	Analisis Skor Min Penghargaan Dan Sokongan	109
4.2.2.7	Analisis Skor Min Kekurangan Sumber	110
4.2.2.8	Analisis Skor Min Stres	111
4.2.4	Kepuasan Kerja	112
4.2.4.1	Analisis Skor Min Bidang Tugas	112
4.2.4.2	Analisis Skor Min Guru Besar	113
4.2.4.3	Analisis Skor Min Penghargaan Dan Pengiktirafan	114
4.2.4.4	Analisis Skor Min Hubungan Dengan Rakan Sekerja Di Tempat Kerja	115
4.2.4.5	Analisis Skor Min Kemudahan Dan Perkhidmatan	116
4.2.4.6	Analisis Skor Min Kepuasan Kerja	117
4.3	Analisis Inferensi	118
4.3.1	Hubungan Antara 'Burnout' Dengan Stres	119
4.3.2	Hubungan Antara 'Burnout' Dengan Kepuasan Kerja	120
4.3.3	Hubungan Antara Stres Dengan Kepuasan Kerja	121
4.3.4	Pengaruh 'Burnout' Terhadap Tahap Kepuasan Kerja	122
4.3.5	Pengaruh Stres Terhadap Tahap Kepuasan Kerja	123
4.4	Rumusan	126

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN, CADANGAN, DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	
5.2	Ringkasan Kajian	128
5.3	Perbincangan Dan Kesimpulan	129
5.3.1	Apakah Terdapat Faktor ' <i>Burnout</i> ' Yang Dominan Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah Di Daerah Ranau	129
5.3.2	Apakah Sumber Stres Yang Dominan Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah Di Daerah Ranau	130
5.3.3	Apakah Tahap Kepuasan Kerja Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah Di Daerah Ranau	131
5.3.4	Adakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara ' <i>Burnout</i> ' Dengan Stres Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah Di Daerah Ranau	134
5.3.5	Adakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara ' <i>Burnout</i> ' Dengan Stres Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah Di Daerah Ranau	136
5.3.6	Adakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara ' <i>Burnout</i> ' Dengan Stres Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah Di Daerah Ranau	139
5.3.7	Adakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara ' <i>Burnout</i> ' Dengan Stres Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah Di Daerah Ranau	140
5.3.8	Adakah Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara ' <i>Burnout</i> ' Dengan Stres Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah Di Daerah Ranau	142
5.4	Implikasi Kajian	144
5.5	Cadangan Kajian Lanjut	145
5.6	Penutup	146

- LAMPIRAN A : Taburan Data
- LAMPIRAN B : Soal selidik Kajian
- LAMPIRAN C : Surat Kebenaran Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar,
Kementerian Pelajaran Malaysia.
- LAMPIRAN D : Surat Kebenaran Jabatan Pelajaran Negeri Sabah



SENARAI JADUAL

Jadual 2.1 :	Perhubungan-Perhubungan Di Dalam Teori	61
Jadual 3.1 :	Taburan Sekolah Rendah dan Bilangan Guru	80
Jadual 3.2 :	Bilangan Responden Yang Diambil	82
Jadual 3.3 :	senarai sekolah yang terlibat dalam kajian	84
Jadual 3.4 :	Analisis Item	85
Jadual 3.5 :	Senarai Skala Likert	86
Jadual 3.6 :	Interpretasi Skor Min	89
Jadual 3.7 :	Magnitud Nilai Korelasi	91
Jadual 3.8 :	Alat Statistik Mengikut Skala Pengukuran	93
Jadual 4.1:	Analisis Skor Min Jantina	96
Jadual 4.2:	Analisis Skor Min Taraf Perkahwinan	96
Jadual 4.3 :	Analisis Skor Min Kumpulan Umur	97
Jadual 4.4 :	Analisis Skor Min Tempoh Pengalaman Kerja	98
Jadual 4.5:	Analisis Skor Min Kelulusan Akademik Tertinggi	99
Jadual 4.6 :	Analisis Skor Min Depersonalisasi	100
Jadual 4.7 :	Analisis Skor Min Keletihan Emosi	101
Jadual 4.8 :	Analisis Skor Min Pengurangan Pencapaian Peribadi	102
Jadual 4.9 :	Analisis Skor Min 'Burnout'	103
Jadual 4.10 :	Analisis Skor Min Hubungan Dengan IbuBapa Pelajar	104
Jadual 4.11 :	Analisis Skor Min Hubungan Sesama Rakan Sekerja	105
Jadual 4.12 :	Analisis Skor Min Beban Kerja	106
Jadual 4.13 :	Analisis Skor Min Kekangan Masa	107
Jadual 4.14 :	Analisis Skor Min Karenah Pelajar	108
Jadual 4.15:	Analisis Skor Min Penghargaan Dan Sokongan	109
Jadual 4.16:	Analisis Skor Min Kekurangan Sumber	110
Jadual 4.17 :	Analisis Skor Min Kekurangan Sumber	111
Jadual 4.18 :	Analisis Skor Min Bidang Tugas	112
Jadual 4.19 :	Analisis Skor Min Guru Besar	113

Jadual 4.20 : Analisis Skor Min Penghargaan Dan Pengiktirafan	114
Jadual 4.21 : Analisis Skor Min Hubungan Dengan Rakan Sekerja Di Tempat Kerja	115
Jadual 4.22 : Analisis Skor Min Kemudahan Dan Perkhidmtan	116
Jadual 4.23: Analisis Skor Min Kekurangan Sumber	117
Jadual 4.24 : Analisis Korelasi ' <i>burnout</i> 'dengan stres	119
Jadual 4.25 : Analisis Korelasi ' <i>burnout</i> 'dengan tahap kepuasan kerja	120
Jadual 4.26 : Analisis Korelasi stres dengan tahap kepuasan kerja	121
Jadual 4.27 : Analisis regresi ' <i>burnout</i> 'dengan tahap kepuasan kerja	122
Jadual 4.28 : Analisis regresi stres dengan tahap kepuasan kerja	124

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1 :	Kerangka Konseptual	34
Rajah 2.1 :	Model Tindak Balas Sindrom Penyesuaian Umum	54
Rajah 2.2 :	Hierarki keperluan Maslow	57
Rajah 2.3 :	Perbandingan Di Antara Teori Maslow Dan Teori Herzberg	62
Rajah 2.4 :	Faktor-faktor Kepuasan Guru	63

SENARAI SINGKATAN

KPKK	-	Kesatuan Perkhidmatan Pendidikan Kebangsaan
MBI	-	<i>Maslach Burnout Inventory</i>
KK	-	Kepuasan Kerja
KPM	-	Kementerian Pelajaran Malaysia
BPG	-	Bahagian Pendidikan Guru
SGM	-	Standard Guru Malaysia
KBSR	-	Kurikulum Baru Sekolah Rendah
NUTP	-	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
SMK	-	Sekolah Menengah Kebangsaan
SK	-	Sekolah Kebangsaan
KE	-	Keletihan Emosi
DP	-	Depersonalisasi
PP	-	Pencapaian Peribadi
GAS	-	Sindrom Adaptasi Am
OSI	-	<i>Occupational Stress Indicator</i>
SPSS	-	<i>Statistical Programme For Social Science</i>
PPD	-	Pejabat Pelajaran Daerah

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

"Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara. "

(Ahmad Mohd Salleh,2000:118)

Dalam abad ke-21 ini, terdapat pelbagai cabaran yang memerlukan kita menyediakan diri dan masyarakat sekeliling amnya yang berdaya saing bagi menghadapi persaingan global yang lebih mencabar. Terdapat juga sesetengah pendapat yang menyatakan abad ke-21 ini "Abad stres". Gelaran begini tercetus ekoran daripada proses pengglobalisasian yang begitu pantas sekali. Pola ekonomi dunia bukan lagi setakat memerlukan interaksi yang erat antara negara-negara dalam perdagangan akan tetapi juga memerlukan pengaliran modal dan teknologi yang canggih.

Sebagai guru sekolah, ia tidak boleh memandang mudah terhadap pembangunan secara menyeluruh yang melibatkan sosial, ekonomi, politik, teknologi, dan bidang pendidikan itu sendiri. Pelbagai tekanan kerja sememangnya wujud dalam kalangan guru sekolah namun tekanan merupakan satu pengalaman yang lumrah dalam kehidupan manusia. Setiap manusia tidak dapat lari daripada tekanan yang



boleh berpunca daripada peristiwa dalam kehidupan, baik dalam bentuk fizikal, sosial, maupun psikologikal. Penglibatan pemimpin bagi setiap organisasi dalam mereka bentuk, merancang, dan melaksanakan program pengembangan kerjaya akan menentukan kejayaan sesuatu perubahan (Zaidatol Akmaliah, 1990). Setiap perubahan yang dibuat oleh pihak atasan, akan memberi tekanan kepada pihak bawahan. Kejayaan hanya akan tercapai jika pihak bawahan sanggup melakukan transformasi.

Profesional keguruan merupakan salah satu bentuk perkhidmatan sosial yang sungguh mencabar. Tenaga pengajar dan pengurus pendidikan seharusnya peka dengan perkembangan terkini dalam proses kepemimpinan, pengurusan, pengelolaan sumber, dan pencapaian matlamat pendidikan (Ibrahim Ahmad Bajunid, 1995). Justeru itu, dalam pelaksanaan berbagai-bagai reformasi dalam pendidikan sudah pasti menjadikan peranan dan tanggungjawab guru-guru menjadi lebih mencabar. Terdapat pelbagai tanggapan dan dakwaan berhubung dengan kerjaya guru dewasa ini. Sesetengah ahli masyarakat mempunyai tanggapan bahawa kerja, beban, dan tugas seorang guru sekarang tidak mewujudkan kerjaya guru yang menarik. Malah tidak dinafikan bahawa ada yang melihat sekolah sebagai sebuah organisasi yang dihujani dengan pelbagai bebanan tugas dan ada kalanya tugas ini bukan satu yang terancang tetapi muncul dari situasi yang tidak diduga (Abdul Shukor, 1996). Jika keadaaan sedemikian dibiarkan berterusan, sudah pasti suasana pengajaran dan pembelajaran di sekolah kini akan menuju ke satu arah dan keadaan yang tidak terurus serta akan menghadapi kegagalan untuk mencapai matlamat sepertimana yang diidamkan. Profesional perguruan di Malaysia juga semakin kompleks. Ini kerana kerjaya guru bukan lagi berperanan khusus untuk mengajar, mendidik, dan membimbang sahaja, malahan telah berkembang ke satu tahap pengsosialisasian, penggalakan, pengilhaman, penyaluran nilai, penyemaian rasa hormat, dan apresiasi kritikal dalam diri pelajar. Menurut Kesatuan Perkhidmatan Pendidikan Kebangsaan (KPPK) (Mastika Mei 1995:12), permasalahan perkhidmatan, tekanan kerja, konflik peranan, kekaburuan

peranan, ketiadaan satu sistem sokongan sosial dari pengetua dan rakan sekerja yang kukuh, dan rangkaian masalah lain yang tidak diselesaikan dengan adil dan memuaskan telah mengakibatkan ramai guru meletakkan jawatan, berhijrah ke profesi lain atau memohon untuk bersara awal dari profesi perguruan. Yang tiada pilihan, tetap setia dengan profesi ini tetapi menyatakan bahawa mereka sudah tidak bermotivasi, tidak produktif untuk mengajar, dan semangat untuk mengajar telah menurun. Paling menyedihkan apabila ada antara guru-guru ini yang menghadapi tekanan psikologi dan mental yang bukan sahaja membahayakan diri mereka sendiri malahan pelajar-pelajar yang diajar di sekolah (Utusan Malaysia 27 Februari 1998).

Menurut Maslach et al.(1996), istilah '*burnout*' telah digunakan secara meluas dan telah diterima umum sebagai satu istilah yang terpiawai dan universal. '*Burnout*' sering berlaku ke atas individu yang melakukan pekerjaan bagi membantu orang lain. '*Burnout*' merupakan satu tindakbalas terhadap tekanan emosi yang kronik disebabkan oleh penglibatan yang ekstensif golongan profesional dengan individu lain yang merupakan klien mereka. Klien-klien ini terdiri dari golongan yang mempunyai masalah dalam kehidupan mereka, sedang menghadapi penderitaan, dan memerlukan pertolongan dan bantuan dari golongan profesional (Schaufeli et al. 1993). Dalam mengukur '*burnout*', '*Maslach Burnout Inventory*' (MBI) adalah satu alat ukur yang sesuai digunakan bagi menilai tahap '*burnout*' seseorang tersebut. Pada masa kini, '*burnout*' dalam kalangan guru semakin hangat diperkatakan dan telah menjadi topik yang hangat sehingga menjadi kebimbangan golongan masyarakat khususnya golongan pendidik. Ramai kakitangan mengajar atau guru terdedah kepada situasi kerja yang banyak sehingga menyebabkan para guru berasa tertekan dan ini menyebabkan ramai yang dijangkiti penyakit "selalu sakit kepala" dan lebih kronik lagi apabila ada segelintir daripada guru tersebut mendapat penyakit jantung, menghidapi sakit perut akibat daripada sistem penghadaman yang lemah sehingga mereka terdedah kepada serangan strok, penyakit ulser, dan bermacam-macam jenis penyakit lagi. Sesetengah guru turut mengalami gejala kelesuan yang mana mereka akhirnya

menghidapi tekanan darah tinggi. Perkara utama yang menjadi kebimbangan kepada golongan ini ialah apabila mereka memikirkan mengenai implikasi yang akan dibawa oleh guru-guru yang '*burnout*' terhadap kualiti pendidikan dan mutu perkhidmatan yang disediakan.

Reichel dan Neumann (1993) menyatakan bahawa perkataan '*burnout*' sudah lama digunakan di negara-negara barat. Ahli-ahli psikologi, sosiologi, dan para pengamal kesihatan mental mula memberikan perhatian terhadap permasalahan ini (dalam Beddu Salam Bacho, 1998). '*Burnout*' bukanlah simptom tekanan kerja, namun ia adalah merupakan hasil atau penamat kepada tekanan kerja yang tidak ditangani atau tiada langkah pencegahan awal. Situasi ini dapat dilihat ke atas individu yang sering hilang minat dan tumpuan serta motivasi terhadap pekerjaannya apabila menghadapi tekanan. Apabila langkah kawalan tidak diambil, akhirnya tekanan yang tekal dan kronik akan menyebabkan seseorang mengalami '*burnout*'.

Smith, (1993) dan Girdano et.al, (1993) menyatakan bahawa individu tidak mungkin dapat berfungsi dengan berkesan jika berada dalam keadaan stres. Perasaan stres menjadikan seseorang itu menjadi tidak rasional, cemas, tegang, tidak dapat memusatkan perhatian kepada kerja, dan gagal menikmati rasa gembira atau puas hati terhadap kerja yang dilakukan. Hal-hal ini akan menghalang seseorang mewujudkan sifat-sifat positifnya, apa lagi sifat kasih sayang. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Fojgin et.al, (1995); Pastore & Judd (1992), telah dibuktikan bahawa sesetengah guru memang mengalami perasaan stres, sikap berang, murung, mengambil keputusan, atau memikirkan untuk berhenti atau bersara sebelum masa kerana dikatakan stres. Keadaan-keadaan ini akhirnya akan menyebabkan berlakunya ketidakpuasan kerja dalam kalangan guru-guru.

Sejak kebelakangan ini banyak kajian telah dijalankan yang mengaitkan faktor demografi dengan kepuasan kerja guru-guru. Para pengkaji di negara kita juga banyak menjalankan kajian mengenai demografi dan kepuasan kerja guru-guru. Menurut Fletcher dan Payne (dalam Zaidatol dan Amla, 1993), demografi memainkan peranan penting dalam menyumbang kepuasan kerja guru-guru di sekolah. Kajian yang dijalankan oleh Long (dalam Azis, 2004) mendapati bahawa ciri-ciri personal seperti umur, kelulusan akademik, dan sikap terhadap situasi kerja adalah faktor-faktor yang mempengaruhi prestasi kerja dalam bidang tugas mereka. Kajian beliau mendapati perkaitan yang signifikan antara kelulusan akademik, pengalaman bekerja, jenis, dan saiz organisasi dalam kumpulan yang dikajinya. Namun tiada pula terdapat perbezaan umur, bilangan tahun dalam perkhidmatan lepas atau bilangan tahun dalam jawatan sekarang. Walau bagaimanapun dalam kajian kepuasan kerja (KK) terhadap 36 pengetua sekolah oleh Abd. Main (dalam Azis, 2004), mendapati ada perkaitan antara umur dan tingkat KK. Dalam kajian beliau, individu dalam lingkungan umur yang muda menunjukkan KK yang lebih tinggi berbanding mereka yang dalam kumpulan umur yang tua. Kajian ini melaporkan KK dalam kalangan pengetua-pengetua Sekolah Menengah mempunyai perkaitan yang ketara dengan umur dan jantina. Namun kajian Chambers (1999), pula melaporkan tidak terdapat perbezaan tahap KK di antara pekerja yang muda dan pekerja yang lebih berumur. Kajian oleh Zaidatol dan Amla (1993) menyokong kepada faktor demografi perlu diberi perhatian oleh pihak pengurusan sekolah kerana ia menyumbang kepada ketidakpuasan kerja dalam kalangan guru-guru sekolah. Dalam kajian yang mereka jalankan menunjukkan perasaan tertekan, ingin berhenti kerja, didorong oleh rasa tidak puas hati akibat persekitaran pekerjaan, gaji yang tidak sepadan, peluang kenaikan pangkat yang terhad, dan hubungan rakan sekerja yang tidak harmoni.

Menurut Robbins (1993), sesebuah organisasi harus cuba memenuhi kepuasan kerja bagi para pekerjanya kerana terdapat beberapa bukti yang menunjukkan bahawa lebih ramai pekerja yang berhenti dan berpindah kerja disebabkan tidak dapat merasai

kepuasan kerja berbanding dengan mereka yang dapat merasai kepuasan kerja. Selain itu, berdasarkan kepada penyelidikan dan kajian beliau ke atas beberapa kajian terdahulu, beliau mendapati bahawa terdapat beberapa kajian yang menunjukkan pekerja-pekerja yang tinggi tahap kepuasan kerja mereka, memiliki kesihatan yang baik dan usia yang lebih panjang. Ini menjelaskan bahawa kepuasan kerja mempunyai pengaruh ke atas kesihatan individu. Beliau juga berpendapat bahawa kepuasan kerja memberi kesan kepada kebahagian hidup pekerja di luar waktu bekerja. Kebanyakan pekerja yang mempunyai kepuasan kerja pada tahap yang tinggi terhadap kerjayanya mempunyai keluarga yang bahagia dan dapat menjalani proses kehidupan yang lebih baik.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Guru merupakan agen penggerak terakhir sesuatu dasar yang digubal oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Pelbagai cabaran dan perubahan telah meletakkan profesi perguruan menghadapi keadaan yang membimbangkan. Guru-guru tidak lagi komited dan dedikasi terhadap kerjayanya. Perubahan yang tidak konsisten ini telah menjadi permasalahan dalam perkhidmatan, tekanan kerja, konflik dan kekaburuan peranan, disiplin pelajar, ketiadaan sistem sokongan sosial dan lain-lain. Ini dapat dilihat daripada amanat mantan Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad yang menyatakan:

"Keadaan sekolah yang daif terutama di luar bandar, kelengkapan dan kemudahan yang tidak mencukupi, kelas-kelas penuh sesak dengan pelajar, kekurangan guru atau nisbah guru dan pelajar yang tidak sesuai, moral yang rendah di kalangan guru kerana beberapa sebab, tahap profesionalisme guru yang menurun, pelajar yang menyimpang jauh dari etika yang luhur, bahan pengajaran dan kurikulum yang perlu disemak semula. "

(Buletin Kementerian Pendidikan Malaysia,2000)

BIBLIOGRAFI

- Abd Fatah Abd Malek and Kotlik J.W. (1986). "Job Satisfaction Of Vocational Agriculter Teachers in the Southeastern United States" *The Jurnal Of the American Association Of Teacher Educators In Agriculture*. 27 (1) : 33-38
- Abdul Halim Othman & Chong Boo Eik, (1998). *Tekanan Kerja dan burnout di kalangan guru-guru di Bandar dan luar Bandar*. Pasca Sidang Seminar Psikologi Industri dan Organisasi. Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial. Universiti Malaysia Sabah.
- Abdul Shukor Abdullah (1996, 14-16 Nov). "Penilaian Semula Situasi Pengurusan Sekolah". Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Nasional Ke-4 Pengurusan Pendidikan di Institut Aminuddin Bakri pada 14 - 16 Nov 1996.
- Aeria, L.L. (1995). *Teacher Burnout In the Implementation of curricular change In national secondary school*. M.Ed Dissertation. Faculty of Education University of Malaya.
- Ahmad Sipon, Utusan Malaysia, 15 Mac 2003
- Alias Baba.(1992). Statistik Penyelidikan Dalam Pendidikan Sains Sosial. Bangi:Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Austin, D.A. (1981). 'Teachers Burnout Issue'. *Journal of Physical Education Recreation and Dance*, 52(9), 35-36.
- Bahren Osman (1997). "Kepuasan Kerja Ketua Panitia Satu Perbandingan Antara Sekolah-Sekolah Terbaik Setiap Daerah di Negeri Johor dan Hubungannya Dengan Prestasi Akademik Pelajar" Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak
- Beehr, T.A. 1978. *The Beehr-Newman Model Of Occupational Stress: Applications To Criminal Justice Research*. Paper Presented At The First National Conference On Burnout Philadelphia.
- Cedoline A.J (1982). "Job Burnout In Public Education (Symptoms , Couses And Survival Skills)". Teacher College, Columbia University, New York.
- Cherniss, C. (1980). *Staff Burnout : Job Stress In The Human Services* : Sage Publications, Inc.

Chua Bee Seok, 2003. 'Model Hubungan Antara Stres Pekerjaan Dengan Masalah Kesihatan Mental Yang Mengambilkira Tingkah Laku Jenis A, Lokus Kawalan, Kepuasan Kerja Dan Strategi Daya Tindak'. Sekolah Psikologi Dan Kerja Sosial, UMS.

Chua Yan Piaw (2006). "Asas Statistik Penyelidikan (Buku 2)", McGraw-Hill (Malaysia)

Cooper, C. L., Sloan, S.J. & William, S. 1988. *Occupational Stress Indicator Management Guide*. Oxford: NFER-Nelson Publishing Company Limited.

Cooper, C.L. & Baglioni, Jr, A.J. 1988. A Structural Model Approach Toward The Development Of A Theory Of The Link Between Stress And Mental Health. *British Journal Of Medical Psychology*, **61**, 87-102.

Cooper, C.L. & Marshall, J. 1976. "Occuparional Sources Of Stress: A review of the literature relating to coronary heart disease and mental ill-health". *Journal of Occupational Psychology*, **49**, 11-28.

Cox, T. (1978). Stress. London: The MacMillion Press Ltd.

Depaepe, J., French, R. & Laray, B. (1985). *Burnout symptones experienced among special physical educators: A descriptive longitudinal study*. Adapted Physical Activity Quarterly, **2**, 189-198

Dewan Masyarakat, Jun 1996

Farber, B. A. (1991). Crisis in Education: Stress and Burnout in the American Teacher San Francisco: Jossey-Bass.

Farber, B.A. (1983). *Stress and burnout in the human in the humanservices profession*. New York: Pergamon Press.

Fejgin, N, Ephraty, N., & Ben-Sira, D. (1995). "Work environment and burnout of physical education teachers". *Journal of teaching physical education*. **15**. 64-78.

Ferlis bin Bullare@Hj. Bahari, (2000). *Hubungan kepuasan kerja dengan komitmen organisasi*: Satu kajian Telekom Malaysia Bhd. Latihan Ilmiah yang belum diterbitkan. Universiti Malaysia Sabah.

Freuden berger, H. (1980). Staff burnout. *Journal of Social Issues*. **34**(4), 111-123.

Friedman, L.A. (May-June, 1995). Student behaviour patterns contributing to teacher burnout. *The Journal of Educational Research*. **88**(5), 281-288.

- Gelembiewski, R. T & Sciechitano, M. 1983. "Some Demographics of Burnout International." *Journal of Public Administration*. 54 : 435-448.
- Ghazali Othman. (1979). An Investigation of the Sources of Job Satisfaction of Malaysia School Teachers. Disertasi Ph.D., Los Angeles: University of California.
- Girdano, A.A, Everly, G.S, & Dusek, D.E, (1993) *Controlling Stress & Tension – A Holistic Approach*. New Jersey : Englewood Cliffs
- Gold, Y., & Roth, R.A. (1993). *Teachers Managing Stress and Preventing Burnout : The Professional Health Solution*. Washington, D.C : The Falmer Press.
- Horton, L. (1984). 'What do we know about teachers burnout?' *Journal of physical Education, Recreation and Dance*. 55(3), 69-71.
- Ibrahim Ahmad Bajunid. (1995). Peningkatan pelbagai jenis literasi khususnya literasi saintifik dan teknikal: ke arah pemantapan martabat kepimpinan yang unggul. *Jurnal Pengurusan Pendidikan*. 4(2). 1-19.
- Iwanichi Edward F. Schwab Richard L. (1982). 'Who Are Our Burned Out Teachers?' *Educational Research Quarterly*, 7(2): 5-6.
- Jamaludin Edar (1999). "Hubungan 'Burnout' Demografi : Tinjauan di kalangan Kaunselor Sekolah Menengah di Daerah Johor Bahru." Universiti Teknologi Malaysia : Kajian Sarjana Pendidikan.
- Jariah bt Masud. (1992). Keluarga dan Persekutuan: Perspektif Ekosistem. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*. 30:607-610
- Kyriachou. C. and J. Sutcliffe (1987). "Teacher Stress and Satisfaction." *Educational Research*. 21 (2) : 89-96.
- Kyriacou, C & Sutcliffe, J. (1978). A Model of Teacher Stress. *Educational Studies*. 4(1): 106
- Lawler, F. E. and L. M. Porter (1967). "The Effect of Performance on Job Satisfaction." Dlm. D. W. Orgn (ed). *The Applied Psychology of Work Behavior*. Homewood, Boston : Irwin, 95-105.

Lay Yoon Fah & Khoo Chwee Hoon (2008). "Pengenalan Kepada Analisis Statistik

Dalam Penyelidikan Sains Sosial", Selangor Darul Ehsan:Venton Publishing (M) Sdn. Bhd.

Lim Tieng Seng (1995). "Kepuasan Kerja Di Kalangan Guru-Guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Di Negeri Kelantan". Tesis Sarjana Sains (Pengurusan), Universiti Utara Malaysia.

Locke, E. A. (1976). "The Nature and Causes of Job Satisfaction." In Handbook of Industrial and Organizational Psychology. Rand Mc Nally College Publishing Company. 1297-1350.

Maslach, C. dan Jackson, S.E. (1981). Prevention of Burnout:New Perspectives. Applied and Preventive Psychology. 7:63-74.

Maslach, C., & Jackson, S. (1986). "Maslach Burnout Inventory Manual". Palo Alto, CA : Consulting Psychological Press, Inc.

Matteson, M.T. dan Ivancevich, J.M. (1989). Controlling Work Stress: Effective Human Resources and Management Strategies. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.

Maznah dan Rakan-rakan (1996). "Prosiding Seminar Kebangsaan Persatuan Psikologi Malaysia ke-4." Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.

MILLS, I.b. & Huebner, E.S. (1998). "A Prospective Study of Personality Characteristics. Occupational Psychology Practitioners: Journal Of Social Psychology, 36(1), 103-120

Mohammad Rodhi Bin Abd. Rahman (2003). "Kajian Tahap Stres Di Kalangan Guru Menengah Teknik Zon Utara". Tesis Sarjana Sains (Pengurusan), Universiti Utara Malaysia.

Mohammed Nazar Mohamed (1990). Pengantar Psikologi. Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkahlaku Manusia. Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 480.

Mohd. Saudi Bin Abd. Rahman (1995). "Beban Tugas Di Kalangan Guru Sekolah Menengah". Tesis Sarjana Sains (Pengurusan Pendidikan), Universiti Utara Malaysia.

Musa Mohammad, Buletin Kementerian Pendidikan Malaysia 2000.

News Straits Times, 24 May 1990.

- Pastore, D.C., & Judd, M.R. (may-june, 1992). *Burnout in coaches of women's team sports*. JOPERD. 74-79.
- Perlman, B & Hartman, E.A. (1982). Burnout Summary and Future Research. *Human Relation*, 35: 283-305.
- Pines, A & Aronson E. (1988). *Career Burnout: Causes and Cures*, New York: McMillan Inc.
- Pines, A., & Aronson, E. (1981). Burnout: From tedium to personal growth, New York: FreePress Schwab, R.L Ivanicki, E.F. (1982). Perceived role conflict, role ambiguity and teacher burnout. *Educational Administrative Quarterly*. 18, 60-74
- Poppleton, P. (1989). Rewards and Values in Secondary Teachers Perception of Their Job Satisfaction. *Research Paper in Education*, vol. 4(3). pp71-94.
- Robbins, S.P., (1993). *Organizational Behavior*. Prentice Hall International, Inc. San Diego State University.
- Saodah Wok, (2003). "Faktor-faktor yang Mempengaruhi Burnout Dalam Organisasi: Satu Perbandingan". Kajian Ilmiah: Universiti Islam Malaysia.
- Sekaran, U. (1992). Research Methods For Business: A skill Building Approach. Second Edition. New York: John Wiley and Sons, Inc.
- Selye, H. (1976). *The Stress of Life*. Edisi Kedua. New York: McGraw-Hill.
- SPSS 21.0 for Windows", Kuala Lumpur: Venton Publishing (M) Sdn. Bhd
- Srinika Jayaratne, David P. Himple, Wayne A. Chess (1991). 'Job Satisfaction and Burnout: Is These A Difference?' *The Journal of Applied Social Science*, 15(2): Spring
- Syed Mohamed Shafeq Syed Mansor (1997). "Hubungan Kepuasan Kerja dengan Burnout : Tinjauan di kalangan Guru-guru di Daerah Johor Bahru. Universiti Kebangsaan Malaysia : Projek Sarjana.
- Utusan Malaysia, 29 Mac 2006. Ramai Guru Berpenyakit Akibat Stres, 10.
- Yusoff Ismail, (1987, Mei). Peranan Pendidikan Jasmani Dalam KBSM. *Jurnal Pendidikan* . 12, 51-60

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Sharifah Md. Nor (1993). A Survey of Job Satisfaction of commerce and entrepreneurship Teachers in Malaysia. *Jurnal Pendidikan*, vol. 18 89-99

Zaidatun Tasir & Mohd Salleh Abu (2003). "A Statistical Package For Social Science SPSS 11.5 for Windows", Kuala Lumpur:Venton Publishing (M) Sdn. Bhd

Zulkifli Bin Md. Razali (2002). "Kepuasan Kerja: Satu Kajian Di Sekolah-Sekolah Menengah Teknik Zon Utara". Tesis Sarjana Sains (Pengurusan), Universiti Utara Malaysia.